

25/10/2003

Rakyat digesa kuasai bidang ilmu

PORT DICKSON: Rakyat negara ini disaran supaya mencontohi dan mengambil iktibar daripada pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

yang menekankan betapa pentingnya penguasaan pelbagai bidang ilmu.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata Dr Mahathir memberi

penekanan aspek itu kerana menyedari bahawa ilmu adalah kunci kepada segala kejayaan.

"Ini adalah antara pemikiran Dr Mahathir yang amat penting dan berguna untuk diikuti oleh rakyat negara ini, selain banyak lagi pemikiran untuk kita hayati dan mengamalkannya," katanya ketika berucap pada perasmiannya

`Seminar Dr Mahathir Pemikir Islam Abad Ke-21' peringkat Negeri Sembilan di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), di sini.

Turut hadir Panel Pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan,

Datuk Abd Rahman Ibrahim dan penceramah yang diundang, Prof Madya Dr Faisal Othman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Nor Azaruddin

Husni Nuruddin, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM).

Mohd Isa berkata, pemikiran mengenai penguasaan ilmu itu ditekankan Dr Mahathir kerana tidak mahu rakyat dan negara ini ketinggalan berbanding bangsa dan negara lain di dunia.

Katanya, Dr Mahathir sering membangkitkan isu penguasaan Yahudi yang memiliki banyak syarikat perniagaan di dunia dan menguasai politik di Amerika Syarikat kerana mereka menguasai pelbagai ilmu.

Katanya, penguasaan ilmu oleh masyarakat Yahudi yang hanya seramai 12 juta orang di seluruh dunia itu disifatkan sebagai faktor mereka mampu berbuat apa saja melalui proksi di serata dunia, terutama di Amerika Syarikat.